

05/07/2000

Usah alpa hadapi globalisasi

KESAN pengaruh gagasan globalisasi yang dibawa Barat begitu menyeluruh sifatnya. Ia boleh memerangkap sesebuah negara menerusi cara paling halus, dengan mengucar-kacirkan ketenteraman dan kestabilan politik di negara sasaran mereka. Di Malaysia, rakyat sudah pun merasai kesan percaturan gagasan globalisasi menerusi tindakan pedagang mata wang antarabangsa yang tamak. Walaupun berada di mana-mana ceruk dunia sekalipun, mereka masih boleh menggugat pasaran di negara ini dengan kekuatan wang dan penguasaan teknologi. Kegiatan jahat mereka boleh dilakukan tanpa perlu muncul secara fizikal di negara ini. Semuanya dilakukan menerusi kecanggihan teknologi telekomunikasi. Keadaan ini diburukkan lagi dengan penyalahgunaan Internet, apabila rakyat tempatan sendiri mengeruhkan lagi keadaan dengan menyalurkan pelbagai maklumat palsu mengenai negara. Bagi negara Barat, ia adalah hadiah bonus kepada mereka. Memang inilah matlamat mereka untuk menimbulkan konflik keyakinan terhadap kerajaan.

Pengaruh globalisasi mula dirasakan apabila pedagang mata wang melakukan manipulasi urusan dagangan wang hingga menyebabkan nilai ringgit jatuh dan ekonomi negara merudum sejak pertengahan 1997. Ini diikuti dengan penyebaran pelbagai maklumat palsu mengenai isu politik dan ekonomi negara yang disalurkan melalui Internet. Tindakan segelintir rakyat tempatan menyebarkan tohmahan itu membuatkan rakyat kebingungan. Ramai juga yang terpengaruh dengan fitnah yang mereka sebarkan. Negara asing memerhatikan keadaan negara dengan sinis. Bagi Barat, gagasan globalisasi sudah mula menampakkan kesannya kerana perpecahan yang mereka harapkan di negara sasaran, sudah pun menunjukkan hasilnya.

Penegasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya rakyat memperkukuhkan perpaduan demi menyelamatkan negara dari ancaman luar kesan proses globalisasi dan dunia tanpa sempadan, perlu dipahatkan di fikiran setiap individu. Dr Mahathir sering membuat kenyataan berhubung isu globalisasi kerana beliau bimbang sesuatu yang buruk akan berlaku di negara ini sekiranya rakyat terus menerus alpa. Disebabkan ia gejala baru, peringatan berterusan perlu diberikan supaya rakyat faham bahawa negara ini boleh dijajah semula jika mereka terus berpecah belah.

(END)